

Polis sedia beri bantuan — Jamil

UM 23 JUL 2002

KUALA LUMPUR 22 Julai — Polis bersedia memberi pandangan khususnya daripada segi keselamatan sekiranya kerajaan berca- dang untuk mengkaji peraturan berkempen ketika pilihan raya yang sejak akhir-akhir ini dikatakan semakin keterlaluan dan melam- pau.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd. Jamil Johari berka- ta, sebagai ba- dan penguat kuasa undang- undang, pihak- nya boleh membantu ke- rajaan dalam merangka atau meminda sebarang da- sar dan un- dang-undang berhubung perkara itu.

“Sekiranya kita dipanggil, kita bersedia untuk membe- ri input atau pandangan

yang difikirkan baik untuk perjalanan pilih- an raya,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengkaji peraturan berkempen ketika pilih- an raya.

Bagaimanapun, menurut Dr. Mahathir, biarpun ia dilakukan, kerajaan tetap berta- nggungjawab untuk menerangkan kepada rakyat bagi mengelakkan mereka daripada melakukan kesilapan ketika memilih dalam pilihan raya.

Mengenai pejalanan pilihan raya di Pendang dan Anak Bukit, Mohd. Jamil berkata, beliau tidak dapat mengulas lanjut.

Beliau bagaimanapun mengesahkan yang polis ada menerima laporan mengenai bebe- rapa insiden di kedua-dua kawasan tersebut.

“Di pihak kita, siasatan akan tetap dijalan- kan dan hasilnya akan dikemukakan kepada Peguam Negara untuk tindakan seterusnya.

“Ini merupakan satu proses dan prosedur biasa terutama sekiranya kita menerima laporan polis daripada mana-mana pihak,” katanya.